



‘CEPAT DAN MESRA’

Ruj. Tuan :
(Your Ref)
Ruj. Kami : JBPM/IP/BKK:700-3/5(4)
(Our Ref)
Tarikh : 3 Mei 2011
(Date)

‘SEPERTI SENARAI EDARAN’

Tuan,

PERLAKSANAAN PERAKUAN BOMBA.

Saya dengan hormatnya di arah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, matlamat pelaksanaan Perakuan Bomba adalah untuk memastikan Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) di Premis Ditetapkan dikawalselia dan diselenggara dengan sempurna. Disamping pemunya premis bertanggungjawab terhadap semua langkah-langkah keselamatan kebakaran serta semua rekod-rekod penyelenggaraan PKK dikawalselia dengan baik.

3. Sehubungan dengan itu, di dalam proses pengeluaran Perakuan Bomba janganlah isu ketiadaan pelan bangunan dan isu *Centralized Monitoring System* (CMS) menjadi penghalang kepada pengeluaran Perakuan Bomba. Oleh itu bagi menangani isu-isu di atas maka jabatan telah membuat keputusan seperti berikut:

- 3.1 Bagi premis yang tiada pelan bangunan, Perakuan Bomba hendaklah dikeluarkan walaupun dengan hanya menggunakan *sketch plan*, yang penting semua PKK mencukupi dan berada di dalam keadaan baik serta boleh berfungsi dengan sewajarnya. Pelan Bangunan atau *as-built drawing* hendaklah disediakan oleh Pemunya Premis pada permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba dan jadikan syarat bahawa permohonan Pembaharuan Perakuan Bomba bagi kali kedua tidak boleh dilaksanakan tanpa Pelan Bangunan atau *as-built drawing*;



3.2 Bagi premis yang mempunyai masalah dengan *Centralized Monitoring System* (sedangkan kita sedia maklum bahawa ianya adalah di luar kawalan Pemunya Premis dan jabatan), tindakan mengadakan *direct line telephone* bolehlah dilaksanakan jika perlu. Walaubagaimana pun ianya tidak boleh menghalang pengeluaran Perakuan Bomba.

4. Sayugia diingatkan, jabatan sentiasa mengamalkan pendekatan melalui surat-surat peringatan dan nasihat bagi memberi kesedaran kepada Pemunya Premis supaya memohon Perakuan Bomba. Justeru itu tindakan lebih tegas menurut seksyen 33 Akta Perkhidmatan Bomba 1988 hendaklah dilaksanakan terhadap Pemunya Premis Ditetapkan yang ingkar dan tidak memohon Perakuan Bomba serta Pemunya Premis Ditetapkan yang sengaja melambat-lambatkan proses permohonan Perakuan Bomba.

Sekian terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1 Malaysia” Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan.

Saya yang menurut perintah,

(DATO' RUSMANI BIN MUHAMAD)

Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
b.p. Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat,
Malaysia

s.k

- i. YAS Ketua Pengarah
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

SENARAI EDARAN

1. YS Pengarah, JBPM WP Kuala Lumpur.
2. YS Pengarah, JBPM Negeri Selangor.
3. YS Pengarah, JBPM Negeri Johor.
4. YS Pengarah, JBPM Negeri Perils.
5. YS Pengarah, JBPM Negeri Kedah.
6. YS Pengarah, JBPM Pulau Pinang.
7. YS Pengarah, JBPM Negeri Perak.
8. YS Pengarah, JBPM N. Sembilan.
9. YS Pengarah, JBPM Negeri Melaka.
10. YS Pengarah, JBPM Negeri Pahang.
11. YS Pengarah, JBPM Negeri Terengganu.
12. YS Pengarah, JBPM Negeri Kelantan.
13. YS Pengarah, JBPM Negeri Sabah.
14. YS Pengarah, JBPM Negeri Sarawak.
15. YS Pengarah, JBPM WP Labuan.
16. YS Pengarah, JBPM WP Putrajaya.